

Panduan Rasūl Allāh SAW

Keistimewaan Bulan Sha‘abān

Dan Malam Nisfunya

Di antara bulan-bulan yang berperistiwa dan mempunyai keistimewaan di dalam Islam ialah bulan Sha‘aban. Kelebihan ini ada tersulit yang di dalam beberapa hadis-hadis nabi seperti berikut:

Saydatinā ‘Ā‘ishah dan Saydatinā ‘Ummu Salmah, masing-masing ada meriwayatkan bahawa Rasūlullāh (SAW) sentiasa berpuasa dalam bulan Sha‘aban, ada kalanya berpuasa terus sepanjang-panjang bulan itu dan ada kalanya berpuasa pada kebanyakan harinya.

Tatkala ‘Usāmah bertanyakan hikmatnya maka baginda membanyakkan puasa dalam bulan Sha‘aban, baginda bersabda, maksudnya:

“Itulah bulan yang terletak di antara Rejab dengan Ramaḍān, yang dilalaikan dan dilupai oleh ramai. Itulah dia bulan yang di dalamnya terangkat segala amal kepada Rabb al-‘Ālamīn, maka sukalah aku kiranya terangkat amalku dalam masa aku sedang berpuasa”.

Hadith ‘Usāmah ini telah diriwayatkan oleh al-Nisā’ī dan Abū Dāūd, dan telah diakui tentang sahihnya oleh Ibn Khuzaymah.

Malam Nisfu Sha‘aban

Malam itu ialah suatu malam yang berbahagia, dan sayogia diperbanyakkan ibadat di dalamnya. Kelebihan malam nisfu ini telah diterangkan oleh Saydatinā ‘Ā‘ishah raḍiya‘Llāhu ‘anhā, katanya:

“Rasulullāh (SAW) telah bangun pada waktu jauh malam lalu sembahyang dengan memanjangkan sujudnya sehingga aku sangka ia telah wafat. Melihat kejadian itu aku pun bangun lalu aku menggerakkan ibu jari kakinya, aku dapati bergerak, aku pun undur balik, lalu aku mendengarnya membaca di dalam sujudnya:

“A‘ūdhu bi ‘afwika min ‘iqābika, wa ‘a‘ūdhu biridāka min sakhatika, wa ‘a‘ūdhu bika minka, lā ‘ahṣī thinā‘i ‘alayka,

‘anta kama ‘athnaitiha ‘alā nafsika, (maksudnya: “Aku berlindung kepada keampunan-Mu daripada seksa-Mu, aku berlindung kepada keredaan-Mu daripada kemurkaan-Mu, dan aku berlindung kepada-Mu daripada-Mu. Tidaklah aku menghitungkan kepujian kepada-Mu, Engkaulah – sedia terpuj – sebagaimana kepujian yang Engkau pujikan kepada diri-Mu sendiri).

Saydatinā ‘Ā‘ishah berkata lagi:

“Apabila Rasūl Allāh mengangkat kepala dari sujud dan selesai dari sembahyangnya, berkatalah ia: “Hai ‘Ā‘ishah adakah engkau menyangka Nabi telah menyalahi janjinya kepadamu?”

Aku pun menjawab: “Tidak, demi Allāh ya

Rasulullah, tetapi menyangka junjungan telah wafat

kerana lama sangat junjungan sujud.”

Baginda pun bertanya, ujarinya: “Tahukah Engkau –

Wahai ‘Ā’ishah – Akan malam ini?”

“Allah dan Rasul-Nya jua yang mengetahui”. Jawabku.

Junjungan pun menjelaskan, sabdanya: Inilah dia

malam nisfu sha‘abān, bahawasanya Allah ‘azza wa jalla tajalli kepada

hamba-Nya pada malam nisfu sha‘aban lalu mengampunkan dosa

orang-orang yang beristighfar dan merahmati orang-orang yang

memohonkan rahmatnya serta membelakangkan orang-orang yang hasad

dengki”. (Hadith mursal jayyid, riwayat Baihaqi)

Berhimpun dan berdoa pada malam nisfu

Sebabnya orang ramai berhimpun dan berdoa pada malam

ini adalah berpunca daripada beberapa hadith. Di antaranya

suatu hadith diriwayatkan oleh al-Imām Ahmad dan

al-Tarmidhi serta Ibn Mājah daripada ‘Ā’ishah raḍiya’Llāhu

‘anhuma, bahawa Rasul Allah (s) bersabda:

“*Inna Allāha yanzilu laylata an-nisfu min sha‘bāni ila samā’i*

al-dunyā fayughafiru lā aktharu min ‘adadin sha‘ru ghanamu bani kilab.”

(Bahawasanya Allah turun pada malam nisfu sha‘aban

ke langit dunia lalu diampuninya bagi (orang-orang yang berjumlah)

lebih banyak daripada bilangan bulu kambing kabilah Bani Kilab).

Di dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Ahmad

dan Muslim daripada ‘Abū Sa‘īd dan Abu Hurairah pula

bahawa Rasul Allah (s) bersabda:

“*Inna Allāha yumahilu hattā idhā kāna thuluth al-layl al-akhīr*

nazala ila al-samā’ al-dunyā wa nādā: Hal min mustagfiri? Hal

min tā’ibi? Hal min sabā’il? Hal min dā’i? Hatta yanfajaru al-fajri.”

(Bahawasanya Allah memberi tempoh sehingga apabila tiba

kepada saat sepertiga malam yang terakhir, turunlah ia ke langit

dunia lalu menyeru: Adakah sesiapa yang beristighfar? Adakah

sesiapa yang bertaubat? Adakah sesiapa yang bermohon? Adakah

sesiapa yang berdoa? Sehingga terserlah fajar).

Ibn Taymiyyah ada menyebut di dalam kitab “*Sharah*

al-Isfihāniyyah” bahawa Abd Allah Ibn al-Mubārak telah ditanya orang

tentang maksud “Tuhan Turun” pada malam nisfu

Sha‘aban, lalu dia menjawab: “Wahai orang yang lemah!

Malam nisfu sha‘aban sahaja? Ia turun pada tiap-tiap malam”.

Imām Mālik telah mentafsirkan hadith “Tuhan Turun”

ini, katanya: Maksudnya ialah turun perintahnya pada tiap-tiap waktu

jauh malam, ada pun ianya (Tuhan ‘azza wa jalla) maka ia

kekal tiada hilang. Orang Arab biasanya menisbahkan

perbuatan kepada yang memerintahkan perbuatan itu, sama seperti

mereka menisbahkannya kepada yang membuatnya dan mengerjakannya

sendiri, lalu mereka berkata: “Amir itu telah

menulis sepucuk surat kepada si polan”. Pada hal

dia tidak menulis sendiri bahkan hanya mengeluarkan

perintah supaya surat itu ditulis. Menurut kaedah

itu bahawa maksud hadith yang menyebutkan “Tuhan

Turun” ialah: Bahawa Allah Subhānahū wa Ta‘ālā memerintahkan

malaikat turun ke langit dunia lalu menyeru dengan apa yang telah

diperintahkan itu.

Jenis-jenis Ibadat Pada Malam Nisfu

Daripada hadith yang telah diriwayatkan oleh Saydatinā ‘Ā’ishah

raḍiya’Llāhu ‘anhuma mengetahuilah kita bahawa Rasul Allah (s)

telah mengerjakan ibadat pada malam yang berbahagia ini, tetapi

ibadatnya ini dikerjakan dirumahnya bukan di masjid seperti

yang kelaziman dilakukan orang sekarang.

Demikianlah yang telah wārid (yang telah dikerjakan oleh Nabi)

pada bulan Sha‘aban iaitu berpuasa di dalamnya dan beribadat

pada malam nisfunya.

Bulan Sha‘aban ini ada lagi keistimewaannya.

Pada 17 Sha‘aban kiblat umat Islam telah ditukarkan daripada

menghadap Bayt al-Maqdis kepada menghadap Bayt Allah di Makkat al-Mukarramah.